

**ANALISIS PROSES KOGNISI DALAM PENULISAN
KARANGAN BAHASA TAMIL MURID
SEKOLAH MENENGAH MELALUI
KAEDAH HERMENEUTIK**

GAYEITHERE A/P KRISHINAN

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**

**ANALISIS PROSES KOGNISI DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA
TAMIL MURID SEKOLAH MENENGAH MELALUI
KAEDAH HERMENEUTIK**

GAYEITHERE A/P KRISHINAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku Disertasi ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

11/03/2022



GAYEITHERE KRISHINAN
M20172002028



PENGHARGAAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa kerana dengan keizinan dan kebesaran-Nya dapat saya menyempurnakan penulisan disertasi ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Suppiah Nachiappan selaku penyelia saya sepanjang penulisan disertasi ini. Dengan bantuan, tunjuk ajar dan kerjasama daripada beliau, saya mampu menyiapkan disertasi ini tepat pada waktunya. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau amat saya hargai.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu saya, kakak dan adik-beradik saya kerana mereka semua merupakan nadi penggerak utama penulisan hasil kajian ini dilaksanakan. Mereka amat membantu saya dari segi kewangan dan tunjuk ajar. Saya juga berterima kasih kepada pihak pentadbir sekolah kerana memberikan kelulusan dan kerjasama untuk saya bagi menjalankan kajian di sekolah berkenaan. Tidak ketinggalan juga kepada guru-guru dan murid-murid yang sudi memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang pernah mencurahkan ilmu serta rakan-rakan yang telah banyak membantu saya dalam penghasilan kajian ini. Akhir kata, saya berharap agar kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang memerlukannya.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis proses kognisi dalam karangan Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Ipoh, Perak. Kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif iaitu mengenal pasti karangan yang cemerlang, baik dan memuaskan, masalah yang dihadapi oleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran dan bagaimana proses kognisi mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Tamil murid sekolah Menengah. Kaedah Hermeneutik sebagai metodologi kualitatif dan interpretif digunakan untuk menganalisis karangan murid. Sebanyak 38 sampel karangan Bahasa Tamil murid Tingkatan Empat digunakan untuk dianalisis dalam kajian ini. Proses kognisi yang dikenal pasti wujud sepanjang penghasilan karangan oleh murid ialah proses mengingat semula, menyusun semula idea dan mengaitkan idea dengan pengalaman lampau. Bagi kategori karangan yang cemerlang, penyampaian isi yang ditulis adalah jelas. Pengolahan idea berlaku dengan baik semasa menulis karangan oleh murid dan mereka menggunakan pelbagai ayat yang gramatis dan bertepatan dengan tajuk karangan yang dihasilkan. Bagi karangan yang baik dan memuaskan pula memperlihatkan murid-murid masih lagi sukar untuk menggunakan proses kognisi mereka sewaktu menghasilkan karangan. Kesimpulannya, proses kognisi secara sedar seperti mengingat kembali, menganalisis, menghurai dan menyesuaikan maklumat dengan tajuk yang diberikan telah berlaku serentak dengan proses kognisi di bawah sedar bagi menghasilkan karangan yang lebih cemerlang. Implikasi daripada kajian ini membolehkan komuniti pendidikan khususnya guru-guru sedar tentang kepentingan proses kognisi dalam penghasilan sesebuah karangan yang baik.

ANALYSIS OF COGNITION PROCESS IN TAMIL ESSAY WRITING FOR SECONDARY SCHOOL STUDENTS THROUGH HERMENEUTIC METHOD

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the cognition process in Tamil essays among Form Four students in a secondary school in Ipoh, Perak. This study was conducted to achieve three objectives namely to identify excellent, good and satisfactory essays, problems faced by students in teaching and learning and how the cognition process affects the writing of Tamil essays of Secondary school students. Hermeneutic methods as a qualitative and interpretive methodology were used to analyze student essays. A total of 38 samples of Tamil essays of Form Four students were used for analysis in this study. The process of cognition that is identified to exist throughout the production of essays by students is the process of recalling, rearranging ideas and relating ideas to past experiences. For the excellent essay category, the presentation of the written content is clear. The processing of ideas takes place well while writing essays by students and they use a variety of sentences that are grammatical and coincide with the title of the essay produced. For good and satisfactory essays, it shows that students still find it difficult to use their cognition process when producing essays. In conclusion, the process of conscious cognition such as recalling, analyzing, parsing and adapting information to a given title has occurred simultaneously with the process of subconscious cognition to produce a more excellent essay. The implications of this study allow the educational community, especially teachers, to be aware of the importance of cognition processes in the production of a good essay.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.2.1 Bahasa Tamil dan Proses Kognisi	5
1.2.2 Proses Menulis Karangan Bahasa Tamil	7
1.3 Pernyataan Masalah	20
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Soalan Kajian	23
1.6 Kerangka Konsep	23
1.7 Kepentingan Kajian	25
1.8 Batasan Kajian	27

1.9 Definisi Operasional	27
1.9.1 Proses Kognisi	27
1.9.2 Teks Karangan Bahasa Tamil KBSM	28
1.9.3 Kaedah Hermeneutik	31
1.10 Rumusan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	33
2.2 Penulisan Karangan Bahasa Tamil KBSM	33
2.3 Pendekatan Penulisan Teks Karangan	36
2.3.1 Teori Kognitif	38
2.3.2 Teori Konstruktivisme	45
2.3.3 Teori Kontekstual	48
2.4 Proses Merancang, Menyusun & Menulis Karangan Bahasa Tamil	52
2.5 Proses Kognisi dalam Teks Karangan Bahasa Tamil	55
2.5.1 Hubungan antara Kognisi dengan Teks Karangan	57
2.5.2 Peranan Kognisi dalam Penulisan Teks Karangan	59
2.5.2.1 Daftar Sensori	60
2.5.2.2 Ingatan Jangka Pendek	61
2.5.2.3 Ingatan Jangka Panjang	63
2.6 Definisi Hermeneutik	64

2.6.1 Hermeneutik dan Epistemologi	65
2.6.2 Hubungan Hermeneutik dengan Ilmu Bahasa	65
2.6.3 Teori Hermeneutik	66
2.6.3.1 Friedrich Daniel Ernst Schleiermacher (1768-1834) Teologi, Sasterawan dan Penterjemah Karya-Karya Plato	66
2.6.3.2 Wilhelm Dilthey (1994)	67
2.7 Kaedah Hermeneutik	68
2.8 Kajian Dalam Negeri	69
2.9 Kajian Luar Negeri	85
2.10 Rumusan	92

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	93
3.2 Rekabentuk Kajian	93
3.3 Tempat Kajian	95
3.4 Persampelan	95
3.5 Instrumen Kajian	96
3.5.1 Karangan Jenis Perbincangan	97
3.5.2 Temu Bual	97
3.6 Peraturan Pemarkahan Karangan oleh Guru Bahasa Tamil	97
3.7 Prosedur Menganalisis Karangan Melalui Kaedah Hermeneutik	109
3.7.1 Teks	109

3.7.2 Metateks	110
----------------	-----

3.8 Rumusan	112
-------------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	113
----------------	-----

4.2 Analisis Karangan Bahasa Tamil Murid Tingkatan 4 Menggunakan Keadah Hermeneutik	113
---	-----

4.2.1 Soalan Kajian 1	114
-----------------------	-----

4.2.1.1 Analisis Teks Karangan Cemerlang	114
--	-----

4.2.1.2 Perbincangan Ciri-ciri Karangan yang Cemerlang	139
--	-----

4.2.1.3 Analisis Teks Karangan Baik	140
-------------------------------------	-----

4.2.1.4 Perbincangan Ciri-ciri Karangan yang Baik	159
---	-----

4.2.1.5 Analisis Teks Karangan Memuaskan	161
--	-----

4.2.1.6 Perbincangan Ciri-ciri Karangan yang Memuaskan	181
--	-----

4.2.1.7 Rumusan Ketiga-tiga Kategori Karangan Cemerlang, Baik dan Memuaskan	182
---	-----

4.3 Soalan Kajian 2	185
---------------------	-----

4.3.1 Rumusan daripada Jawapan yang diberi oleh 10 Orang Murid	185
--	-----

4.3.1.1 Rumusan daripada jawapan yang diberi oleh 10 orang murid	201
--	-----

4.4 Soalan Kajian 3	202
---------------------	-----

4.4.1 Contoh Teks dan Metateks daripada hasil Karangan Murid	205
--	-----

4.5 Rumusan	207
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	208
5.2 Ringkasan Kajian	208
5.3 Perbincangan Analisis Proses Kognisi dalam Pembelajaran Murid	210
5.4 Perbincangan Analisis Proses Kognisi dalam Pengajaran Guru	213
5.5 Implikasi Kajian	218
5.5.1 Implikasi Kajian Terhadap Murid	218
5.5.2 Implikasi Kajian Terhadap Guru	219
5.5.3 Implikasi Kajian Terhadap Ibu Bapa	221
5.5.4 Implikasi Kajian Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia	222

5.6 Sumbangan	226
---------------	-----

5.7 Rumusan	231
-------------	-----

RUJUKAN	232
----------------	-----

LAMPIRAN	240
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Panduan Pemarkahan Karangan Bahasa Tamil	100
3.2 Panduan Pemarkahan Karangan Bahagian B	105
4.1 Analisis Teks Karangan Cemerlang	114
4.2 Analisis Teks Karangan Baik	140
4.3 Analisis Teks Karangan Memuaskan	161
4.4 Analisis Jawapan Temuduga Wakil Murid	185
5.1 Peta Pemikiran dan Proses Pemikiran	227





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep	24
2.1 Teori Kognisi Mengenai Proses Mengingat (Sconfield, 1987)	60
3.1 Rekabentuk Kajian	95
3.2 Tatacara Analisis Karangan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	111





SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Pendidikan Guru
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab 1 ini, pengkaji menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan akhirnya dinyatakan definisi istilah operasional yang dijalankan.

1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan dianggap sebagai pencarian pengetahuan. Pendidikan harus jelas untuk menjelaskan konsep dan idea asas. Kecenderungan untuk mendapatkan pemikiran dan kesedaran diri murid dipanggil “struktur”. Orang-orang yang berilmu telah menekankan proses kognisi dalam pendidikan supaya mereka mengetahui kepentingan kognisi. Tidak kira apa yang anda lihat, tidak kira apa yang anda dengar, tanpa proses kognisi sesuatu pendidikan itu tidak akan mencapai misinya (Narayanasamy, 2012).

Dalam sistem pendidikan, bahasa memainkan peranan sebagai alat perhubungan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Melalui sesuatu bahasalah manusia dapat menyampaikan apa yang dia fikir, perasaan, kehendak, pendapat, pengalaman dan menyampaikan apa yang ada dalam hatinya. Manusia biasanya berkongsi informasi, memahami perasaan orang lain melalui bahasa ini. Selain itu,

berlaku secara formal pembelajaran bahasa di sekolah-sekolah dan guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Tamil bertanggungjawab mengajar sebaik mungkin subjek Bahasa Tamil dan memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan sebaik mungkin.

Umat manusia belajar untuk mengetahui kemahiran membaca, menulis dan mengira yang digunakan dalam kehidupan seharian. Terdapat suatu konsep bagi literasi iaitu kebolehan minimum untuk menggunakan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi keperluan hidupan harian dan memenuhi keperluan asas setiap orang yang bergelar sebagai murid (Othman & Sulaiman, 2013).

Penulisan karangan sangat penting dalam kurikulum Bahasa Tamil. Keupayaan menulis karangan adalah amat penting bagi semua murid. Keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kaedah yang menjadi punca asas dalam kesemua proses pengajaran dan pembelajaran yang memang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah (Mahamod, 2015). Semua mata pelajaran yang murid-murid belajar di sekolah memerlukan seseorang murid yang mahir dalam sesuatu matapelajaran tersebut tidak dinafikan matapelajaran bahasa tidak kira membaca mahupun menulis.

Sekiranya murid-murid mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis, maka mereka juga akan mengalami kesukaran menguasai pembelajaran mereka dengan baik. Kebolehan dan pencapaian yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis dapat membantu meningkatkan penguasaan pembelajaran murid secara langsung dalam subjek Bahasa Tamil secara khususnya dan matapelajaran yang lain secara amnya.

Sekiranya kita lihat secara keseluruhan, sistem pendidikan negara ini amat menekankan kemahiran menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan

murid-murid menjawab dalam bentuk tulisan dan terdapat beberapa soalan yang memerlukan murid menulis jawapan dengan panjang lebar. Terdapat juga soalan yang memerlukan murid-murid menulis jawapan dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai bahasa ibunda sering menghadapi masalah semasa menjawab soalan peperiksaan apatah lagi bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Murid-murid yang tidak menguasai kemahiran menulis juga sering menghadapi kesusahan semasa menjawab soalan yang berbentuk tulisan atau karangan.

Oleh kerana itu, murid-murid perlu menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan idea mereka dengan tepat, menulis fakta dengan tepat, menggunakan sesuatu perkataan di tempat yang sesuai, berupaya menulis jawapan dalam bentuk yang sangat mudah, teratur dan tepat. Berkaitan dengan pernyataan ini, semua murid perlu menguasai kemahiran menulis kerana mereka dapat menjawab soalan dengan yakin semasa peperiksaan dan kemahiran menulis ini amat membantu murid-murid menguasai beberapa bidang di luar pendidikan seperti menulis artikel dalam surat khabar dan banyak lagi. Sekiranya seseorang murid itu tidak menguasai kemahiran menulis, maka dia akan ketinggalan dalam semua bidang yang lain.

Menurut Ananthi (2016), kemahiran menulis sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil kerana kemahiran tersebut mesti dikuasai oleh murid-murid untuk menghadapi peperiksaan Bahasa Tamil dengan yakin khususnya peperiksaan penulisan karangan Bahasa Tamil. Kemahiran menulis selalu ditekankan sebagai suatu kemahiran yang sangat penting bukan sahaja di negara Malaysia tetapi di seluruh dunia. Sekiranya kita melihat dengan mendalam, kebanyakan subjek-subjek yang diajar di seluruh dunia melibatkan proses menulis. Proses pembelajaran itu sendiri sangat memerlukan kemahiran menulis dalam kebanyakan subjek di seluruh dunia,

apatah lagi negara Malaysia. Murid-murid sama ada murid sekolah rendah atau murid sekolah menengah, mereka selalu ditekankan dan difokuskan untuk menguasai kemahiran menulis dengan baik walaupun mereka tidak suka.

Kepentingan menguasai kemahiran menulis telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018). Penekanan terhadap aspek kemahiran penulisan seperti yang diterap dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 2018. Tetapi, hal ini bagaimanapun tidak menjamin murid-murid betul-betul menguasai kemahiran menulis Bahasa Tamil.

Cara murid-murid berfikir sangat dipengaruhi oleh kemahiran menulis mereka. Menulis karangan amat dipengaruhi oleh cara mereka berfikir (Ananthi, 2016). Guru-guru perlu mengenal pasti murid-murid yang kurang menguasai kemahiran menulis dan membantu mereka untuk menguasai kemahiran menulis dengan baik dalam mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan murid-murid yang berkualiti dan memenuhi aspirasi negara menjelang tahun 2020. Penulisan karangan yang betul perlu didedahkan dalam diri murid dengan menggunakan kaedah yang betul dan bersesuaian dengan mengikuti tahap usia murid-murid.

Biasanya murid-murid dihantar ke sekolah oleh ibu bapa mereka kerana ibu bapa inginkan anak-anak mereka mencari ilmu pengetahuan dan menjadi orang yang pandai. Akan tetapi, melalui sesuatu pembelajaran, murid-murid juga dapat memenuhi fungsi sosial dalam aktiviti seharian mereka. Bagi memenuhi tujuan ini, murid sekolah haruslah mencapai suatu tahap literasi yang sesuai untuk memenuhi kedua-dua fungsi berkenaan. Sekiranya murid tidak menguasai kemahiran menulis maka dia akan ketinggalan jauh berbanding murid yang menguasai kemahiran menulis dengan baik.



1.2.1 Bahasa Tamil dan proses kognisi

Biasanya berbanding kemahiran-kemahiran yang lain, kajian mendapati bahawa kemahiran menulis sukar diajar oleh guru-guru di sekolah kerana untuk mengajar karangan atau penulisan seseorang guru itu perlu mengetahui kaedah dan cara mengajar yang efektif bagi membuatkan murid tersebut menguasai kemahiran dengan baik. Menurut Puvaneswary (2012), kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai oleh murid. Penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi. Kognisi dengan bahasa amat berkait rapat antara satu sama lain. Tetapi, ramai guru tidak mengetahui dan tidak sedar akan perkara ini.

Proses kognisi menilai kebolehan seseorang dalam menentukan apa-apa yang diketahuinya dan tidak diketahuinya (Rajendran, 2016). Ternyata kognisi seseorang murid akan berkembang seiring dengan perkembangan otak mereka. Pada peringkat awal, bayi hanya berceloteh. Mereka akan menangis atau membuat reaksi yang tidak dapat difahami oleh ibu bapa mereka untuk menyatakan keinginan mereka. Selepas satu bulan, baru bayi akan mengetahui persekitaran di sekeliling mereka. Mereka akan mempelajari untuk bercakap dan melakukan kerja-kerja. Semakin tambah umur mereka menjadi semakin matang. Mereka mampu berfikir secara sendiri dan mereka dapat mengenalpasti baik dan buruk. Bahasa kanak-kanak hanya difahami oleh orang yang lebih dewasa. Kanak-kanak dapat diterapkan beberapa nilai dalam diri mereka bukan sahaja oleh ibu bapa mereka tetapi juga guru mereka.

Manusia akan mengingat apa yang diujarkan dan dituliskan. Proses-proses itulah disebut proses kognisi. Proses kognisi adalah kepercayaan seseorang tentang sesuatu yang didapati dari proses berfikir tentang seseorang atau sesuatu. Proses yang





dilakukan adalah memperoleh pengetahuan dan memanipulasi pengetahuan melalui aktiviti mengingat, menganalisis, memahami, menilai, membayangkan dan penaakulan. Kapasiti atau kemampuan kognisi biasa diertikan sebagai kecerdasan atau intelek. Kepercayaan dan pengetahuan seseorang tentang sesuatu dipercayai dapat mempengaruhi sikap mereka dan pada akhirnya mempengaruhi peri laku/tindakan mereka terhadap sesuatu. Perubahan pengetahuan seseorang akan sesuatu perkara dipercayai dapat mengubah peri laku mereka.

Pengalaman yang dimaksudkan adalah pengalaman yang melibatkan panca indera iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa atau bau. Hasil gabungan inilah dikenali sebagai proses kognisi. Tidak kira proses membaca mahupun menulis, proses-proses kognisi ini mempengaruhi kemahiran berbahasa seseorang murid. Proses kognisi mempengaruhi beberapa aspek seperti menggabungkan antara informasi yang diterima melalui pancaindera tubuh manusia dengan informasi yang telah disimpan dalam ingatan jangka panjang. Kedua-dua informasi itu kemudiannya disimpan dalam ingatan yang berfungsi sebagai sistem pemprosesan maklumat (Mohamed et al., 2014). Proses yang kedua ialah responden kepada tindakan yang telah dipilih. Semasa ini tubuh manusia mula berfungsi seperti kaki, tangan, mata, suara, dan minda. Boleh dinyatakan bahawa teks karangan yang terhasil adalah hasil daripada tindak balas proses kognisi yang telah berlangsung dalam minda murid tersebut dalam proses menulis teks karangan.

Proses berfikir manusia amat berkait rapat dengan proses kognisi. Proses pemikiran manusia adalah proses yang sangat penting dalam proses tubuh badan kerana melalui proses pemikiran inilah tubuh badan berfungsi. Pemikiran adalah proses mental yang membenarkan hidup untuk memodelkan dunia dan menghadapinya dengan cekap



menurut matlamat, rancangan, hujung dan kemahuan. Konsep berkaitan dengan pemikiran ialah sentimental, kesedaran, idea dan imaginasi. Pemikiran merupakan media yang menyumbang kepada penyampaian sesuatu maklumat kepada individu lain atau sesama manusia. Pemikiran merupakan satu-satunya perkara yang tidak dapat dikecualikan daripada umat manusia malah ia juga menjadi identiti bagi perbezaan individu. Tidak dapat dinafikan, fungsi otak sangat mempengaruhi proses pemikiran manusia.

Kognisi sangat berkait rapat dengan beberapa aspek seperti ditukar, disimpan, diperoleh, dicungkil dan diguna pakai (Rahman, 2013). Proses kognisi juga didefinisikan sebagai proses intelektual. Apabila meneliti definisi ini, ia merupakan satu proses yang menterjemahkan keadaan sekeliling kepada sesuatu yang boleh difahami melalui kognisi. Informasi yang diperoleh setiap hari dari dunia luaran disimpan di dalam minda. Apabila informasi diperlukan, informasi akan dicungkil dan diguna pakai pada masa yang diperlukan. Informasi tidak akan bermakna jika informasi yang disimpan tidak dapat dicungkil pada masa yang diperlukan. Dengan pernyataan ini, kita dapat tahu bahawa setiap proses kognisi saling berhubung antara satu dengan yang lain.

Proses kognisi yang dimaksudkan ialah apabila murid-murid dihadapkan kepada persoalan-persoalan yang menuntut kemampuan mereka untuk berfikir sepanjang penghasilan teks karangan (Chen & Chang, 2014). Biasanya, di sekolah guru akan menekankan anak murid mereka untuk menggunakan tatabahasa yang betul. Guru juga menekankan untuk menulis teks karangan dengan mengikut format penulisan yang dapat memberi markah yang cemerlang kepada murid-murid.

Dalam penulisan teks karangan juga, murid-murid sering menggunakan proses kognisi dalam teks karangan Bahasa Tamil. Daripada pernyataan di atas, kita mengetahui bahawa aktiviti dalam penulisan tidak hanya berkait dengan struktur penulisan mengikut format yang ditetapkan sahaja. Penglibatan murid secara mental amat penting bagi mencipta sesuatu teks karangan yang cemerlang dan proses kognisi memainkan peranan yang sangat penting dalam hal ini kerana ia berkait dengan fungsi intelektual secara langsung. Sesuatu proses penyelesaian masalah juga memerlukan proses kognisi bagi manusia dan ciptaan yang lain.

Topik kognisi ini telah dibincangkan oleh beberapa ahli Psikologi. Seorang yang bernama Lahey (2009) dan beliau telah nyatakan beberapa aspek kognisi. Yang pertama adalah, kognisi melibatkan pemprosesan maklumat. Manusia biasanya memproses maklumat untuk memberi makna kepada apa yang dia lihat, rasa dan buat. Pemprosesan maklumat seperti dilihat, dirasa dan dibuat sangat penting bagi manusia untuk bertindak dan memberi respons kepada alam sekitar. Aspek seterusnya adalah, kognisi dapat ditakrifkan sebagai suatu proses yang aktif. Pancaindera manusia iaitu mata, telinga, hidung, lidah dan kulit sangat penting untuk sesuatu proses yang aktif dan pancaindera ini membantu dalam menukar persepsi dan pemikiran, disimpan dan dicungkil melalui proses memori dan diguna pakai melalui bahasa dan penyelesaian masalah.

Menurut Lahey (2009) juga, otak memproses secara aktif maklumat yang diterima dan menukarkan maklumat kepada bentuk atau kategori baru. Ketiga, kognisi adalah berguna dan sangat diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Tanpa kognisi, kehidupan menjadi tidak bermakna. Contohnya, apabila kita mahu berkomunikasi dengan orang lain, kita menggunakan bahasa. Bahasa melibatkan proses kognisi.

Apabila kita mempunyai masalah, kita akan mencari penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah melibatkan proses kognisi.

Menurut Ebrahimi et al. (2015) kognisi terdapat dua dimensi yang berkaitan iaitu pengetahuan kognisi dan proses kognisi. Yang pertama, proses kognisi ialah bagaimana kita memahami proses kognisi tersebut dan pengetahuan kognisi pula ialah apa-apa yang kita ketahui tentang kognisi. Proses kognisi mengandungi tiga komponen iaitu merancang bagi menetapkan matlamat, mengaktifkan latar belakang pengetahuan yang berkaitan dan merancang masa, pemantauan dan kemahiran penilaian sendiri perlu untuk mengawal pembelajaran, antaranya aktiviti membuat jangkaan atau berhenti seketika semasa membaca, strategi urutan dan memilih strategi pemulihan yang bersesuaian. Akhirnya, penilaian iaitu menghargai produk dan mengawal matlamat seseorang, mengkaji semula andaian dan menggabungkan pencapaian intelektual.

Proses kognisi dilakukan secara automatik dalam diri manusia ketika dia dilahirkan. Tetapi, melalui melihat, merasa dan menyentuh dia menyedari lebih mendalam tentang sesuatu perkara. Menurut Ebrahimi et al. (2015) juga, kognisi terdapat dua dimensi yang berkaitan iaitu pengetahuan kognisi dan proses kognisi. Yang pertamanya, proses kognisi ialah bagaimana kita memahami proses kognisi tersebut dan pengetahuan kognisi pula ialah apa-apa yang kita ketahui tentang kognisi. Proses kognisi mengandungi tiga komponen iaitu merancang bagi menetapkan matlamat, mengaktifkan latar belakang pengetahuan yang berkaitan dan merancang masa, pemantauan dan kemahiran penilaian sendiri perlu untuk mengawal pembelajaran antaranya aktiviti membuat jangkaan atau berhenti seketika semasa membaca, strategi urutan dan memilih strategi pemulihan yang bersesuaian.

Akhirnya, penilaian iaitu menghargai produk dan mengawal matlamat seseorang, mengkaji semula andaian dan menggabungkan pencapaian intelektual juga menyatakan bahawa proses kognisi tidak seperti pengetahuan kognisi kerana sering tidak disedari dalam situasi pembelajaran. Melalui pernyataan ini, kita dapat mengetahui bahawa proses ini berkembang dalam diri manusia tanpa disedari dan tidak mampu menerangkan pada orang lain. Pengetahuan ini dapat dikuasai secara beransur-ansur dalam diri manusia selaras dengan pengalaman dan umurnya.

Kanak-kanak yang lebih dewasa mempunyai maklumat metakognitif yang lebih tinggi secara dalaman dari masa ke semasa dan ini mampu menjadikan mereka menjadi murid-murid yang lebih berjaya dalam pelajaran mereka. Hal ini disebabkan kerana kanak-kanak muda kurang mampu untuk mengorganisasikan bahan dan kurang kesedaran tentang kepentingan berbuat demikian. Kemahiran metamemori atau metakognisi kanak-kanak masih belum berkembang dalam diri mereka. Semakin baik kemahiran kawalan diri dalam masa menjalankan aktiviti kognisi sekiranya kanak-kanak mempunyai semakin banyak pengetahuan dan pengalaman yang bermakna.

Dalam sekolah, guru memainkan peranan yang sangat penting dalam mengajar murid-murid khususnya mengajar menulis karangan. Semua guru perlu ada pengetahuan yang cukup mengenai kognisi dan gaya kognisi juga perlu diberi penekanan sepanjang penghasilan sesuatu teks karangan oleh seseorang murid. Seperti biasa, proses kognisi ini merupakan satu rintangan yang besar terhadap perubahan. Guru perlu mengetahui proses kognisi murid kerana keperluan untuk mengenal pasti proses kognisi seseorang murid adalah asas kepada pengajaran guru bagi memastikan guru tersebut dapat memahami dan seterusnya dapat membantu murid menghasilkan teks karangan yang berkualiti. Hal ini banyak berlaku apabila guru perlu menghadapi

pelbagai ragam murid yang mempunyai pelbagai keperluan. Bagi mengenal pasti proses kognisi seseorang murid, maka guru perlu menggunakan pelbagai jenis instrumen dan pelbagai jenis bahan bantu mengajar yang dialami oleh murid-murid sepanjang proses menghasilkan sesuatu teks karangan.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamed (2012) menunjukkan pengetahuan fakta dalam sesuatu bidang mempengaruhi pembinaan isi karangan. Beliau mengarahkan responden untuk menulis karangan berkaitan dengan besbol. Dapatan kajian menunjukkan responden yang mempunyai pengetahuan fakta dalam permainan besbol dapat menghasilkan karangan yang berkualiti berbanding responden yang tidak mempunyai pengetahuan fakta dalam permainan besbol.

Menurut Mohamed (2012) juga, proses kognisi untuk menulis menekankan banyak perkara yang sama dengan aktiviti membaca, seperti pencarian makna dan mengembangkan strategi untuk memulakan penulisan. Kaedah menyelesaikan masalah, rujukan dan strategi metakognisi dianggap amat penting dalam meningkatkan kemampuan menulis seseorang murid. Proses ini banyak membantu dalam usaha untuk menghasilkan teks karangan yang baik oleh murid. Jika murid mampu menggunakan kemahiran kognisi yang ada dalam diri mereka, proses penulisan teks karangan akan berlangsung dengan baik dan teks karangan yang dihasilkan akan lebih berkualiti.

1.2.2 Proses menulis karangan Bahasa Tamil

Perkara pertama yang perlu dilakukan dalam penulisan sesuatu karangan adalah perlu mengambil tahu tentang tajuk karangan yang ingin ditulis dan isi-isi yang mempunyai kaitan dengan tajuk karangan. Menurut Shanmugam (2011), peringkat perencanaan yang meliputi proses penyusunan tajuk dan mendapatkan maklumat berkaitan isi dan



perkara-perkara ini adalah aspek yang paling penting yang perlu diambil kira sebelum menulis sesuatu karangan. Tanggungjawab seorang guru adalah beliau perlu bagitahu para murid bagaimana untuk merencanakan sesuatu tajuk karangan yang mereka ingin tulis. Seterusnya mereka dapat memberikan makna yang baik kepada teks karangan yang diolah. Hal ini sangat penting kerana ingin memastikan murid tidak terpesong dari tajuk karangan yang dikehendaki.

Guru mengajar murid-murid untuk menulis teks karangan yang ditekankan di sekolah hanya melibatkan keupayaan mengajar murid kaedah menulis perkataan dan ayat menggunakan sistem bahasa yang betul sahaja. Perkara yang paling penting adalah bagaimana seseorang murid mampu menghuraikan permasalahan yang terdapat dalam tajuk karangan yang mereka ingin karang. Dalam aspek menulis sesuatu karangan, murid-murid perlu mengetahui apa yang hendak ditulis dalam karangan. Murid-murid menggunakan ayat-ayat yang gramatis dan penggunaan tatabahasa yang betul sahaja. Menurut Kumutha R. (2012) proses penghuraian masalah dalam menulis dikenali sebagai proses memberi makna kepada teks karangan tersebut. Penulisan karangan amat harapan pada tajuk dan murid juga dapat menulis karangan berdasarkan kehendak tajuk. Sebenarnya tajuk karangan memberikan maksud yang menyeluruh setelah karangan siap ditulis.

Akibat ketidakcekapan menguasai dalam matapelajaran Bahasa Tamil menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam subjek tersebut (Narayanasamy, 2012). Kelemahan menguasai kemahiran berbahasa ini menjadikan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin diri semakin merosot. Sifat rendah diri akibat kegagalan yang berterusan membawa kepada konsep sendiri yang rendah. Hal ini akan menjejaskan keupayaan mereka untuk menguasai kemahiran bahasa yang lebih



berkesan. Oleh itu, guru-guru perlu mencari beberapa langkah yang bijak bagi membantu murid-murid dalam penghasilan teks karangan mereka dalam Bahasa Tamil dan membantu mereka dalam berbahasa dengan baik.

Berbanding murid yang lemah berbahasa, murid yang pandai berbahasa menggunakan pelbagai strategi dan mengkoordinasi penggunaan strategi secara lebih efektif. Melalui kajian kognisi, penyelidik dapat mengetahui kelemahan dan kelebihan murid-murid yang dilibatkan untuk kajian ini. Kementerian Pendidikan, guru, ibu bapa dan pengkaji perlu mengambil perhatian terhadap murid-murid yang lemah dan memfokuskan di bahagian mana murid tersebut lemah dalam menulis teks karangan. Sebagai langkah pertama, guru-guru perlu mencari langkah-langkah yang efektif untuk mencari jalan penyelesaian bagi murid yang lemah dalam menulis teks karangan. Sekiranya digunakan sepenuhnya ia mampu membantu semua pihak dalam usaha untuk membentuk generasi yang pandai berbahasa dengan baik.

Dalam sekolah, guru-guru perlu mengenalpasti karangan murid bukan hanya dari segi gramatis, sudut penggunaan tatabahasa, pembinaan ayat yang logik dan relevan ataupun dari segi format yang betul sahaja. Guru perlu menilai beberapa aspek murid yang lemah menulis karangan dan membantu mereka untuk menulis teks karangan Bahasa Tamil dengan baik. Guru yang mengajar teks karangan subjek Bahasa Tamil perlu menilai sebuah karangan murid secara menyeluruh dari segi isi-isi karangan, dari segi format karangan dan yang paling penting adalah guru perlu memahami serta menyelami proses kognisi yang berlangsung semasa murid menghasilkan sesuatu teks karangan.

Di sekolah menengah terdapat opsyen bagi subjek Bahasa Tamil. Sekiranya berminta mereka boleh mengambil peperiksaan Bahasa Tamil semasa tingkatan tiga

dan tingkatan lima, dan sekiranya tidak berminat mereka tidak perlu mengambil subjek Bahasa Tamil. Ia tidak paksaan bagi murid-murid India untuk mengambil subjek Bahasa Tamil di sekolah menengah. Walaupun murid-murid India bercakap dan berkomunikasi dalam Bahasa Tamil di rumah mereka dengan rakan-rakan mereka dan di semua tempat mereka menggunakan bahasa ibunda mereka, tetapi segelintir murid tetap gagal untuk menguasai Bahasa Tamil dengan baik.

Menurut Palanisamy (2018), pendidikan yang diterima di sekolah-sekolah pada hari ini kurang berupaya menjadikan murid sebagai warganegara yang menghargai Bahasa Tamil. Bertambah lagi dengan menyatakan bahawa murid-murid sekarang kurang memberi perhatian kepada bahasa ibunda mereka khususnya murid India dengan menyatakan mereka hanya belajar berkomunikasi dan bercakap tetapi tidak mengambil inisiatif untuk mempelajari Bahasa Tamil. Fenomena yang berlaku sekarang ini tentunya bertentangan dengan matlamat pengajaran Bahasa Tamil itu sendiri yang banyak menekankan aspek penguasaan dan penggunaan Bahasa Tamil yang lebih bermutu dalam kalangan murid India.

Dalam menulis sesuatu karangan, murid-murid juga perlu mengetahui tentang kemahiran bahasa yang lain seperti bertutur, membaca dan mengeja. Penulisan amat mempengaruhi kemahiran, peraturan dan proses seperti tingkah laku kompleks yang lain. Aktiviti menulis karangan memerlukan kriteria-kriteria yang lain seperti merancang idea untuk sesuatu tajuk karangan, mengeluarkan idea bagi pendahuluan, isi dengan contoh dan penghuraian serta penutup dan menyiapkan teks penulisan mengikut peratusan lazim penulisan yang standard.

Daripada pernyataan yang dibincangkan, dapat digambarkan bahawa proses kognisi amat mempengaruhi penulisan teks karangan. Guru-guru perlu menitikberatkan

proses kognisi sepanjang murid menghasilkan teks karangan. Sekiranya murid mengikuti proses tersebut dengan betul, mereka mampu menghasilkan suatu teks karangan yang lebih baik dan lebih berkualiti.

Menurut Palanisamy (2018), murid-murid yang belajar Bahasa Tamil sering menghadapi masalah semasa menulis karangan berbanding pemahaman dalam peperiksaan. Hal ini berlaku kerana mereka selalu menggunakan bahasa rojak dan bahasa bertutur semasa menulis karangan. Hal ini menyebabkan mereka mendapat markah yang kurang dalam penulisan mereka. Menurutny, dalam proses penulisan masalah yang sering dihadapi oleh seseorang murid ialah untuk memulakan sesuatu penulisan.

Pakar-pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran turut menghadapi masalah yang sama kerana memulakan sesuatu penulisan bukanlah sekadar persoalan kebolehan semata-mata atau soal pengetahuan tentang sesuatu, apatah lagi murid-murid yang baru mula menulis sesuatu karangan. Disini hanya boleh berkata bahawa murid-murid jarang menggunakan kognisi mereka dengan baik untuk mencerakinkan masalah yang diperoleh dan kemudiannya mengolah menjadi suatu teks karangan yang baik. Ketekunan dan keyakinan seseorang murid untuk memahami kaedah dan teknik yang terbaik sememangnya membantu dalam penghasilan teks karangan yang baik.

Seterusnya didapati bahawa masih ramai calon yang mendapat keputusan yang rendah atau gagal dalam subjek Bahasa Tamil SPM. Menurut Thanaletchumy (2012), dalam peperiksaan SPM Bahasa Tamil merupakan satu subjek elektif dan sekiranya murid-murid tidak suka mengambil subjek Tamil dalam peperiksaan SPM mereka, maka mereka tidak perlu mengambil subjek tersebut. Hampir ramai murid India tidak mengambil subjek Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM kerana mereka berfikir

subjek itu susah, tidak cukup tenaga guru untuk mengajar mereka dan mereka tidak yakin untuk menghadapi peperiksaan Bahasa Tamil kerana takut gagal. Dalam peperiksaan SPM, Bahasa Tamil merupakan salah satu matapelajaran yang diberi penilaian. Ini jelas membuktikan bahawa masih ramai murid yang gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik. Ramai pihak perlu melakukan banyak usaha untuk memastikan murid dapat menguasai kedua-dua kemahiran ini dengan sepenuhnya.

Menurut Ananthi (2016), guru-guru bidang bahasa kerap menghadapi masalah dalam pengajaran Bahasa Tamil kerana murid-murid agak sukar untuk memahami penulisan Bahasa Tamil. Kelemahan murid sendiri, sikap negatif murid yang kurang berminat terhadap subjek khususnya Bahasa Tamil, kelemahan strategi guru yang mengajar Bahasa Tamil, kesilapan memilih tajuk, kurangnya isi mengenai sesuatu topik, pembahagian perenggan, tidak merangka karangan, ulangi isi yang sama di beberapa tempat, kesalahan tatabahasa, kesalahan penggunaan kata, kesuntukan masa, tidak mengikuti jumlah perkataan, tidak dapat mengenal pasti format dan penggunaan bahasa dialek dan beberapa faktor lagi yang menyebabkan pencapaian murid-murid dalam penulisan karangan Bahasa Tamil kurang memuaskan.

Beberapa laporan menyatakan bahawa jumlah murid yang mendapat markah yang sederhana lebih banyak berbanding murid yang mendapat pencapaian tinggi (cemerlang) dengan murid yang mendapat pencapaian yang rendah. Hal ini sangat membahayakan kerana murid sederhana ini jika tidak memberi perhatian yang cukup oleh guru mungkin mendapat pencapaian yang rendah pada masa akan datang dan jika diberi perhatian yang cukup, mereka boleh mendapat pencapaian yang cemerlang (tinggi) kerana mereka berada di posisi yang mungkin boleh meningkat atau boleh turun

iaitu di posisi tengah. Selain itu, banyak kelemahan yang perlu diperbaiki bagi mencapai tahap penguasaan penulisan di peringkat kepujian dan cemerlang. Ini juga boleh dikatakan bahawa salah guru juga yang tidak memberi penekanan dalam penulisan karangan dan tidak memberi fokus dalam bahagian karangan.

Disebabkan faktor ini, karangan murid-murid berada di tahap yang tidak begitu memuaskan. Sekiranya meneliti markah murid-murid dalam karangan mereka, maka mereka masih berada di tahap yang rendah. Kekurangan idea yang muncul semasa menulis kertas peperiksaan selalu menjadi faktor utama murid-murid mendapat markah yang sederhana atau rendah. Murid-murid kekurangan kemahiran penulisan dan teks karangan yang dihasilkan oleh mereka tidak mencapai standard yang ditetapkan dan tidak menepati kemahiran penulisan yang berkualiti oleh mereka.

Sikap cuai guru Bahasa Tamil juga merupakan antara penyebab murid-murid tidak menguasai kemahiran menulis. Cara dan gaya guru mengajar karangan Bahasa Tamil di dalam kelas lebih tertumpu dalam memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk demi memenuhi keperluan peperiksaan. Kesanya, hanya hasil karangan yang diberi tumpuan oleh guru-guru dan pengajaran proses mengarang diabaikan. Murid-murid kurang bersedia untuk menulis disebabkan oleh pengajaran guru yang kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis karangan dalam kelas mereka.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), masalah guru yang tidak mengikuti sepenuhnya sukatan pelajaran terkini dalam pengajaran kemahiran menulis juga merupakan salah satu faktor yang boleh menjejaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis dalam membantutkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menghasilkan murid yang mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada

pelbagai disiplin atau mata pelajaran dan seterusnya mengembangkan kemahiran menulis mereka.

Menurut Abdullah et al. (2016) pula, kebanyakan guru pada dasarnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan mereka menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan dan menerapkan pengalaman yang dialami semasa mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas mengajari penulisan kepada murid-murid.

Hampir banyak guru hanya fokus dalam memberikan isi-isi karangan dalam pengajaran kemahiran penulisan. Murid-murid kurang dilatih untuk meneroka maklumat sendiri melalui pelbagai sumber bahan. Guru-guru biasanya bukan berperanan membantu menyaring dan menyusun maklumat yang diterokai oleh mereka.

Guru-guru yang sering membuat kawalan begini maka murid-murid juga akan bergantung pada mereka.

Guru-guru secara tidak langsung membuatkan murid-murid kurang yakin dan kurang berkemahiran untuk mengarang. Mereka tidak akan menggunakan kemahiran sepenuhnya untuk mendapatkan isi-isi penting bagi menghasilkan karangan yang dikehendaki. Dengan alasan-alasan ini, murid-murid tidak mampu menghasilkan karangan yang berkualiti. Sekiranya terdapat pemilihan tajuk karangan dan jika semua tajuk karangan itu sukar dikarang untuk mereka, maka mereka membuat keputusan untuk memilih tajuk karangan yang terutama mudah daripada tajuk-tajuk lain dan mereka hanya mampu menghasilkan satu teks karangan yang tidak mempunyai konten dan tidak memenuhi kehendak tajuk dan ia pasti akan kurang patah perkataan daripada patah perkataan yang dinyatakan dalam tajuk karangan.

Dalam menulis sesuatu karangan guru menjadi medium yang sangat penting kerana mereka mengajar anak didik mereka. Guru-guru perlu mengetahui proses bagaimana penghasilan sesuatu teks karangan itu dilakukan. Mereka juga perlu mengetahui kepentingan kognisi dalam teks karangan yang dihasilkan oleh anak didik mereka. Proses kognisi ini bukan sahaja membantu murid-murid dalam menggunakan tatabahasa yang betul ataupun format karangan yang betul sahaja tetapi ia juga mampu melahirkan insan yang cerdas mindanya dan mampu berbahasa dengan hebat.

Menurut Zakaria (2016) pula, menulis teks karangan merupakan suatu proses yang agak kompleks berbanding pemahaman kerana ia memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi untuk mengeluarkan idea dan melibatkan idea tersebut dengan pengalaman sedia ada. Tambah lagi, menurut Abdullah et al. (2016), menulis merupakan suatu proses memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun sesuatu perkataan, rangkai kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan penghasilan idea yang jelas dan tersusun.

Jika kelemahan ini tidak diatasi, murid-murid tidak dapat menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pengalaman, perasaan dan maklumat dalam bentuk tulisan bagi berhubung dengan orang lain atau diri sendiri. Gunawan dan Palupi (2016) menyatakan bahawa kelemahan-kelemahan yang dibincangkan mungkin disebabkan oleh kelemahan murid yang kurang menguasai kemahiran proses kognisi. Mereka mencadangkan beberapa cara yang betul untuk meningkatkan proses kognisi murid-murid. Perlu ada satu mekanisme yang betul bagi membantu murid menangani kelemahan dalam penulisan ini. Oleh itu, pengkaji telah mengambil tajuk ini untuk

melihat bagaimana analisis proses kognisi dalam teks karangan Bahasa Tamil murid Tingkatan Empat yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

1.3 Pernyataan masalah

Keadaan Bahasa Tamil di sekolah menengah sangat membimbangkan dalam keadaan sekarang. Murid-murid yang belajar Bahasa Tamil di sekolah menengah sangat kurang. Pada masa yang sama, murid-murid yang berdaftar dan mengambil peperiksaan Bahasa Tamil mengalami banyak masalah. Bahasa Tamil yang diajar di sekolah menengah terhad kepada tiga masa sahaja (Narayanasamy, 2012).

Guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil perlu mengajar kesemua sukatan pelajaran dalam jam yang telah ditetapkan. Hal ini adalah mandatori di semua sekolah. Tetapi, guru-guru tersebut tidak dapat menghabiskan kesemua sukatan pelajaran tersebut dalam masa yang terhad. Maka, semasa pengajaran dan pembelajaran murid-murid tidak dapat menguasai kesemua kemahiran khususnya kemahiran menulis karangan. Tidak dapat dinafikan, kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bertutur dimasukkan dalam kesemua subjek termasuk subjek Bahasa Tamil (Krishnan, 2011).

Penulisan karangan adalah salah satu aktiviti kognisi yang kompleks untuk dicapai oleh manusia dalam kehidupan mereka (Nachiappan, 2013). Oleh itu, guru perlu memahami sesebuah teks karangan murid dan mencari cara yang terbaik untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah menengah khususnya subjek Bahasa Tamil. Guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Tamil di sekolah menengah perlu memberi perhatian yang serius dalam memahami tuntutan murid, membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid untuk menulis karangan dengan lebih baik.



Menurut Shanmugam (2011), murid-murid hanya dapat menulis satu atau dua ayat pernyataan tentang tajuk tetapi tidak dapat menghuraikan tajuk itu dengan mengaitkannya dengan isu-isu semasa. Malangnya, perenggan pendahuluan amat tidak mempunyai kaitan dengan perenggan isi yang dihasilkan oleh mereka. Beliau melaporkan lagi bahawa kebanyakan murid India tidak dapat menulis karangan Bahasa Tamil dengan baik, jitu dan menepati kehendak soalan dalam masa yang ditetapkan. Beliau menyatakan bahawa murid-murid yang menulis karangan Bahasa Tamil tidak dapat mengembangkan idea karangan yang dipersembahkan. Beliau bertambah lagi dengan menyatakan bahawa murid-murid yang mempelajari subjek Bahasa Tamil tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang tajuk karangan yang ditulis dan murid tidak dapat menghuraikan isi dengan jelas dan tepat, tidak dapat memaparkan isi-isi yang bernas serta tidak mengemukakan bukti atau contoh yang tepat dan jelas bagi setiap



Dalam penulisan perenggan isi karangan perkara yang sama juga berlaku di mana kebanyakan murid tidak dapat menulis melebihi 100 patah perkataan dan hanya dapat menulis 50 hingga 60 patah perkataan sahaja dalam karangan Bahasa Tamil. Hal ini selalu berlaku disebabkan murid-murid kurang membaca buku dan kurang membaca bahan yang bermutu serta kurangnya pendedahan cara-cara untuk menulis perenggan isi sesebuah karangan yang bermutu. Hal ini dapat ditunjukkan bahawa murid-murid kurang membaca buku Bahasa Tamil dan tidak merujuk karangan Bahasa Tamil dalam masa rehat mereka. Murid-murid ini mempunyai penguasaan yang lemah dalam kemahiran menulis disebabkan sikap malas mereka untuk mengambil inisiatif membaca buku-buku Bahasa Tamil. Mereka juga tidak berupaya menghasilkan satu teks karangan yang baik dan lebih berkualiti serta tidak mampu menyampaikan idea berdasarkan tajuk karangan mereka.



Biasanya, penulisan melibatkan kemahiran menulis untuk pelbagai tujuan dan konteks, khususnya karangan Bahasa Tamil. Tugas-tugas menulis merupakan suatu aktiviti yang sukar kerana menulis melibatkan beberapa idea yang bernas dan aktiviti mental yang kompleks diperlukan serta melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah.

Sekiranya seseorang murid boleh berkomunikasi dengan baik dalam bahasa ibunda dia, maka murid tersebut boleh menulis karangan dengan baik. Kemahiran menulis bukan hanya setakat mempelajari struktur dan perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu sahaja. Kanak-kanak yang mula-mula memahami bahasa bukan hanya penerima bahasa yang pasif (*passive receptors*) tetapi berperanan sebagai interaktor aktif (*active interactors*) yang saling bertindak dengan bahasa yang digunakannya (Zakaria, 2016). Hal ini membawa maksud sepanjang penghasilan teks karangan, murid berfikir secara aktif untuk menjana idea dan seterusnya mengolah perkataan menjadi satu teks karangan yang bermakna. Hal ini biasa berlaku semasa kanak-kanak mula menulis.

Menurut Annamalai (2011), murid-murid mempelajari sesuatu bahasa daripada ibu bapa mereka. Maka, penguasaan bahasa mereka bermula dari rumah mereka. Begitu juga proses penulisan yang betul bermula dari sekolah rendah mereka. Sekiranya guru-guru mengajar mereka dengan baik mereka tidak akan mengalami masalah semasa menulis karangan.

1.4 Objektif kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui ciri-ciri karangan Bahasa Tamil yang cemerlang, baik dan memuaskan dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

- ii) Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh wakil murid dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Tamil Tingkatan Empat.
- iii) Mengenal pasti bagaimana proses kognisi mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Tamil murid Tingkatan Empat.


1.5 Soalan kajian

Secara khususnya, kajian ini mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang dikemukakan seperti berikut:

- i) Apakah ciri-ciri karangan Bahasa Tamil yang cemerlang, baik dan memuaskan dalam kalangan murid Tingkatan Empat?
- ii) Apakah masalah yang dihadapi oleh wakil murid dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Tamil Tingkatan Empat?
- iii) Bagaimanakah proses kognisi mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Tamil

1.6 Kerangka konsep

Bagi menganalisis proses kognisi dalam teks karangan Bahasa Tamil yang dihasilkan oleh murid-murid Tingkatan Empat, kaedah Hermeneutik digunakan sebagai medium. Karangan-karangan yang dihasilkan oleh murid-murid dianalisis dengan pembacaan awal kepada isi tersurat yang ditulis. Kemudian proses kognisi dikenal pasti melalui interpretasi kepada isi yang tersirat dalam karangan tersebut dengan mengambil kira beberapa aspek metateks yang terhasil. Karangan-karangan diinterpretasi dan kemudiannya dirumuskan aspek proses-proses kognisi yang terlibat dalam penghasilan karangan tersebut. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep

1.7 Kepentingan kajian

Sekiranya seseorang murid tidak mempunyai keupayaan untuk menulis dengan baik, maka kemahiran dan kepakaran dia juga akan tenggelam kerana ia tidak dapat disebarkan, dibuktikan dan dikaji (Erkan & Saban, 2011).

Sekiranya murid-murid ingin menyampaikan buah fikiran mereka dengan berkesan maka mereka perlu mempunyai kemahiran menulis (Nadzrah et al., 2011). Sekiranya kemahiran menulis tidak dikuasai dengan baik, tidak mustahil walaupun perkembangan teknologi maklumat bergerak dengan pantas, kita tetap akan ketinggalan zaman.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji diharap dapat membantu dalam memberikan maklumat tentang peri pentingnya pengetahuan tentang proses kognisi yang berlangsung sepanjang teks karangan ditulis kepada murid, guru-guru dan juga penyelidik pada masa akan datang. Melalui kajian penyelidikan ini, pengkaji berharap agar ia dapat membuka mata semua pihak akan kepentingan proses kognisi dan kemahiran menulis kepada murid-murid. Pihak-pihak tersebut juga perlu mengetahui langkah-langkah yang perlu dibuat untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam teks karangan Bahasa Tamil.

Kajian ini sangat penting bagi murid-murid bukan sahaja murid-murid Sekolah Menengah, tetapi juga murid-murid Sekolah Rendah kerana kemahiran menulis dan proses kognisi bukan sahaja diamalkan di Sekolah Menengah tetapi ia memang bermula dari Sekolah Rendah. Kajian ini juga penting untuk membantu murid yang mempunyai masalah tidak berminat untuk belajar, murid tidak aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan prestasi murid merosot. Hal ini berlaku kerana melalui analisis proses kognisi yang dibuat terhadap teks karangan murid, pengkaji dapat mengetahui beberapa cara yang terbaik untuk membantu murid menghasilkan karangan yang lebih baik pada masa akan datang berpandukan hasil analisis yang telah diperolehi. Pengkaji telah mengambil berat tentang keupayaan murid-murid Tingkatan Empat dalam menghasilkan teks karangan Bahasa Tamil dengan memberikan saranan yang sesuai kepada murid-murid mengikut tahap keupayaan masing-masing dalam menghasilkan sesebuah teks karangan Bahasa Tamil.

Kajian ini bukan hanya bagi murid-murid yang mengambil subjek Bahasa Tamil sahaja, tetapi semua murid mendapat faedah melalui kajian ini. Kajian ini diharap menjadi bahan rujukan untuk murid-murid dan guru-guru untuk meningkatkan

kemahiran menulis dan proses kognisi. Ia juga dapat dijadikan sebagai koleksi bahan rujukan tentang penyelidikan yang dijalankan dalam bidang penulisan pada masa akan datang yang dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada para penyelidik yang lain.

Tambahan lagi, terbina dan terhasil melalui analisis proses kognisi ini contohnya murid-murid dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka dalam teks karangan, membantu guru-guru bagi mengenal pasti cara terbaik untuk mengajar penulisan teks karangan, memastikan murid-murid dapat menggunakan kognisi dengan sepenuhnya yang ada pada diri mereka, membantu pihak Kementerian menyediakan program-program yang sesuai untuk peningkatan kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran menulis murid-murid dan juga membantu pihak sekolah menyediakan program-program yang sesuai dan lebih terancang yang dapat membantu murid-murid meningkatkan kemahiran menulis mereka.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan 38 orang murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian. Kajian ini hanya dilakukan di sebuah Sekolah Menengah di Perak.

Kajian ini terbatas kepada murid-murid yang sedang belajar Bahasa Tamil dalam Tingkatan Empat. Kajian ini terbatas kerana ia melibatkan murid-murid satu peringkat umur sahaja dan tidak mengambil kira unsur-unsur lain yang mungkin mempengaruhi responden kajian seperti jantina, tahap penguasaan dan lain-lain lagi. Oleh itu, kajian ini tidak dapat dilihat secara keseluruhan proses kognisi yang berlangsung mengikut peringkat umur. Selain itu, murid-murid Tingkatan Empat yang mengambil subjek Bahasa Tamil merupakan satu batasan dalam kajian ini kerana karangan Bahasa Tamil murid Tingkatan Empat masih belum mantap sepenuhnya.

Murid -murid yang dipilih juga dipilih secara rawak dan pengkaji tidak mengambil kira tahap keupayaan menulis mereka.

1.9 Definisi operasional

Terdapat beberapa definisi operasional dalam kajian ini iaitu proses kognisi, teks karangan Bahasa Tamil KBSM dan juga keadah Hermeneutik.

1.9.1 Proses kognisi

Kognisi boleh didefinisikan sebagai proses intelektual. Kognisi adalah berkait rapat dengan informasi yang diperoleh, ditukar dan disimpan. Informasi yang manusia peroleh setiap hari dari dunia luaran disimpan di dalam minda. Apabila informasi diperlukan, informasi akan dicungkil dan diguna pakai pada masa yang diperlukan.

Setiap proses kognisi saling berhubung antara satu dengan yang lain.

Menurut Ardila (2018), kognisi merupakan proses dalaman yang melibatkan pemahaman dunia sekeliling dan membuat keputusan untuk mengambil tindakan yang sesuai sebagai tindak balas dari rangsangan dunia sekeliling.

Kognisi melibatkan persepsi imaginasi, mengungkap makna, menilai dan mengembangkannya (Salazar, 2019). Semua bentuk seperti mengenal, melihat, mengamati, memperhatikan, membayangkan, menduga dan menilai dipanggil kognisi. Kognisi ialah suatu proses mental untuk mengetahui termasuk aspek seperti kesedaran, persepsi, penaaakuan dan pengadilan untuk menyelesaikan masalah. Kognisi dilihat kepada beberapa aspek seperti yang disarankan oleh Lachman et al., (2015). Input asas kognisi mendalam pula terdiri daripada lima deria, naluri asas dan komunikasi serta bahasa. Kognisi mendalam pula terdiri daripada pemprosesan pemikiran seperti ilmu pengetahuan, pengalaman, kecerdasan dan intuisi.

Dalam kajian ini, kognisi yang terhasil sepanjang murid menghasilkan sesebuah teks karangan telah dikaji dan diteliti. Proses kognisi yang didapati dalam kajian ini ialah melalui reaksi murid-murid semasa menulis karangan Bahasa Tamil dan pengkaji mendapati pengetahuan masa lampau, ingatan jangka panjang dan ingatan jangka pendek sewaktu murid-murid menghasilkan karangan Bahasa Tamil tersebut.

1.9.2 Teks karangan Bahasa Tamil KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. KBSM menengah atas berfokuskan kepada penguasaan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang lebih meluas dan mendalam. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Menengah (KPM, 2018) menerangkan mengenai kemahiran menulis teks karangan Bahasa Tamil sebagai keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang kemas.

Menurut Mohamed (2010), teks karangan merupakan proses memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkai kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pengaliran idea yang jelas dan tersusun.

Manakala dalam kajian ini teks karangan Bahasa Tamil KBSM bermaksud sebuah teks karangan yang dihasilkan oleh murid-murid berpandukan kepada panduan yang telah ditetapkan dan dinilai berdasarkan panduan penilaian yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mengikut format peperiksaan SPM sebenar.

Selepas tamat Tingkatan Tiga, murid-murid akan sambung belajar ke Tingkatan Empat yang dikatakan menengah atas. Kertas soalan SPM biasanya akan merangkumi soalan-soalan yang murid belajar di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Perkara yang sama berlaku dalam setiap subjek termasuk subjek Bahasa Tamil. Maka, pengkaji telah mengambil murid-murid dari Tingkatan Empat untuk kajian ini kerana mereka akan menduduki peperiksaan Bahasa Tamil SPM pada tahun yang seterusnya. Subjek Bahasa Tamil ini bukan ssuatu subjek yang susah untuk dibelajar dan diajar. Dengan cara-cara yang tertentu ia boleh menjadi subjek kesukaan murid-murid sekiranya mereka belajar dengan guru yang aktif bergerak sewaktu pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Karangan boleh dianggap sebagai diri penulisnya. Tanggapan dibuat kerana unsur-unsur untuk membina karangan Bahasa Tamil adalah perkataan, frasa, klausa dan ayat, idea atau isi dan pengetahuan atau pengalaman berpunca sepenuhnya daripada penulisnya. Jika penulis tidak menguasai semua aspek ini, maka karangannya tidak akan sempurna. Karangan juga seperti manusia kerana perlu mempunyai kepala, bahagian tengah dan anggota bawah untuk menjadi manusia yang lengkap fizikalnya. Hal ini menunjukkan bahawa setiap karangan perlu mempunyai pendahuluan, isi dan penutup.

Sebelum melakukan kajian ini, pengkaji telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengetahui panduan menulis karangan Bahasa Tamil kepada murid-murid Tingkatan Empat. Langkah pertama sebelum menulis karangan Bahasa Tamil adalah murid-murid perlu mengetahui kehendak soalan. Setelah memilih tajuk karangan Bahasa Tamil yang dirasakan dapat dikuasai isi atau faktanya dengan baik, murid perlu mengetahui idea pusat karangan. Idea pusat ialah perkara atau isu yang ingin



dibincangkan, atau idea keseluruhan atau tema. Dalam kata lain, murid perlu mengetahui kunci iaitu kehendak sesuatu tajuk karangan Bahasa Tamil. Hal ini bagi memastikan murid-murid menulis isi yang tepat dan terelak daripada terpesong isi atau terkeluar daripada tajuk.

Seterusnya, mengajar untuk membina perenggan bagi karangan Bahasa Tamil. Setiap karangan harus mempunyai perenggan-perenggan tertentu. Bagi isi, jumlah perenggan bergantung kepada jumlah isi utama atau isi besar. Jumlah isi utama yang dianggap memadai untuk sesebuah karangan ialah tiga atau empat, apatah lagi bagi karangan Bahasa Tamil. Satu perenggan hendaklah dibangunkan oleh satu isi utama sahaja.

Sekiranya terdapat tiga isi utama, maka jumlah perenggan untuk isi ialah tiga juga. Karangan begini mempunyai lima atau enam perenggan. Pembinaan perenggan yang tersusun menjadikan karangan berkenaan menarik untuk dibaca, malah menggambarkan bahawa murid menguasai teknik penulisan yang berkesan. Bagi memudahkan murid membina perenggan, mereka harus menentukan jumlah ayat yang perlu ditulis. Untuk SPM Bahasa Tamil, seelok-eloknya dibina lima ayat. Ini penting bagi mengimbangkan huraian dan juga jumlah perkataan bagi keseluruhan karangan Bahasa Tamil.

Dalam perenggan penutup bagi karangan Bahasa Tamil pula, perenggan ini berfungsi membuat rumusan secara keseluruhan segala idea yang telah dicurahkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya. Murid boleh membina perenggan ini dengan menggunakan tiga hingga lima ayat. Perenggan ini tidak seharusnya mengulang kembali apa yang telah dituliskan dalam perenggan pendahuluan. Beberapa cara menulis penutup yang mudah adalah seperti menyatakan semula, membuat ramalan dan



membuat syor. Walau bagaimanapun, pemilihan teknik penutup perlu sesuai dengan jenis karangan dalam karangan Bahasa Tamil.

1.9.3 Kaedah Hermeneutik

Perkataan Hermeneutik berasal dari perkataan Greek yang bermaksud “*interpretation*”. Hermeneutik ditakrifkan sebagai suatu proses menginterpretasikan teks. Manusia mengalami hidup melalui bahasa dan bahasa memberikan pemahaman dan pengetahuan yang dianggap dua aspek yang terkandung dalam Hermeneutik.

Menurut Olesen (2013), Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Menurut Suppiah (2013), kaedah Hermeneutik dapat menghalusi makna teks sebagai cara untuk menyampaikan pengalaman, kepercayaan dan penghakiman daripada seseorang atau komuniti ke atas orang lain. Hal ini bermaksud kaedah ini diguna pakai untuk melakukan penginterpretasian terhadap ilmu pengetahuan murid. Ia merupakan seni pemahaman bukan sebagai bahan yang telah difahami.

Menurut Zimmermann (2017), terdapat lima ciri pendekatan Hermeneutik, yang pertama kefahaman daripada penjelasan. Kedua, mengakui keadaan sebenar semasa menginterpretasi. Ketiga, mengiktiraf peranan bahasa dan peristiwa sejarah dalam tafsiran dan keempat ialah inkuiri sebagai salah satu bentuk percakapan. Kelima, selesa dan kekaburan.

Dalam kaedah Hermeneutik ini, teks karangan Bahasa Tamil murid-murid Tingkatan Empat akan diinterpretasikan untuk mengenal pasti proses kognisi yang berkaitan dan mempengaruhi penghasilan teks karangan seseorang murid tersebut sepanjang teks karangan murid dihasilkan.

1.10 Rumusan

Bab 1 telah dibincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan serta batasan kajian. Pengkaji telah membincangkan mengenai beberapa definisi operasional kajian seperti proses kognisi, teks karangan Bahasa Tamil KBSM dan juga keadah Hermeneutik. Kajian literatur yang berkaitan sama ada dari luar atau dalam negara akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.